

**EC penentu mekanisme perkongsian tenaga
Utusan Online
07 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 6 Mac - Pelaksanaan mekanisme perkongsian bagi menampung kos tambahan bahan api alternatif membabitkan Tenaga Nasional Bhd. (TNB) perlu diputuskan oleh Majlis Ekonomi (EC).

Menteri Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, sebenarnya tiada pihak yang boleh membuat keputusan bagi pihak yang lain.

"Cadangan mengenai isu itu telah dibawa kepada EC dan kita perlu tunggu keputusan mereka.

"Malah, kerajaan juga tidak boleh membuat sebarang ulasan sehingga EC selesai menimbangkannya.

"Jadi, saya berharap semua pihak menunggu keputusan tersebut, sebarang keputusan selepas itu kita boleh bincangkan bersama," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Petronas yang tidak akan membayar pampasan bagi kos bahan api alternatif yang digunakan oleh syarikat utiliti kuasa nasional itu.

Semalam, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Shamsul Azhar Abbas berkata, pembayaran yang dibayar sebanyak RM1 bilion merupakan bayaran "sekali sahaja" (*one-off*).

Pada sidang akhbar semalam, Shamsul berkata, pampasan yang dibuat kepada TNB itu sebelum ini kerana bersimpati kepada syarikat tersebut yang tidak mempunyai tunai mencukupi ketika itu.

Mengenai mekanisme harga baharu bagi gas apabila terminal penggasan semula Petronas mula beroperasi, Shamsul berkata: "Kami ada berbincang dengan tiga menteri tiga minggu lepas dan kami, pada asasnya, telah mencadangkan supaya diadakan satu kajian tentang formula itu, yang mengambil kira sensitiviti domestik".

"Jadi, sekarang terpulanglah kepada mereka untuk mengemukakannya kepada EC," katanya.

Selain Fah Kui, difahamkan dua menteri yang terlibat bagi membincangkan isu itu ialah Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Pada tahun lalu, Petronas, TNB dan Kerajaan Persekutuan bersetuju sama-sama menanggung kos tambahan ke atas pembelian bahan api alternatif untuk tempoh Januari hingga Oktober 2011 yang berjumlah RM3.07 bilion untuk menjana kuasa elektrik akibat kekurangan gas.

Ia merupakan antara penyelesaian yang diambil selepas TNB menanggung kerugian kerana terpaksa menggunakan bahan api alternatif seperti arang batu dan *distillate* selepas Petronas dikatakan gagal membekalkan gas yang diberi subsidi dengan mencukupi.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0307&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm